



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S41
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan **Pegawai Belia dan Sukan Gred S41** di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Butiran terperinci mengenai jawatan ini ialah :

1. Jawatan/ Kumpulan/ Skim/ Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Pegawai Belia dan Sukan Gred S41
- (b) Jabatan : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Kekosongan Jawatan : Satu (1) Kekosongan

- 2. Jadual Gaji Gred S41** : Minimum : RM 2,078.00
: Maksimum : RM 9,544.00

- 3. Kenaikan Gaji Tahunan** : RM 225.00

- 4. Taraf Jawatan** : Tetap

5. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan,
 - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86)

6. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (b) Keutamaan:
 - (i) Calon yang berpengetahuan dalam pengurusan sukan dan kejurulatihan; dan
 - (ii) Bekas atlet Negeri atau Kebangsaan.

7. Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai dan Belia Sukan adalah layak dipertimbangkan oleh MSWP untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai dan Belia Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) Memenuhi syarat kelayakan di perenggan 5(c); atau lulus Peperiksaan Khas;
- (b) Had umur pelantikan
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan untuk pegawai yang wajib bersara pada usia 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan untuk pegawai yang wajib bersara pada usia 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan untuk pegawai yang wajib bersara pada usia 60 tahun

8. Deskripsi Tugas

- (a) Mengendalikan pelaksanaan Program Pembangunan Bakat Sukan Wilayah
- (b) Mengendalikan program *Talent Identification* dan *Talent Scouting*.

9. Cara Memohon

- (a) Borang Permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang: <http://www.wipers.gov.my>.
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan satu Salinan Sijil, Kad Pengenalan dan sekeping gambar berukuran pasport.

10. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan melalui pos atau serah tangan hendaklah diterima oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan selewat-lewatnya pada **17 Julai 2020 (Jumaat)**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

11. Alamat Penghantaran

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah :

Pengarah

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,

62100 PUTRAJAYA

12. Panggilan Program Penilaian Pegawai Belia dan Sukan Gred S41 & Temu Duga

Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil ke Program Penilaian Pegawai Belia dan Sukan dan temu duga bagi jawatan ini.

13. Perbelanjaan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.

14. Keputusan

Hanya calon yang **berjaya** dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.



(DR. HASNUL FAIZAL BIN HUSHIN AMRI)

Pengarah

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Tarikh: 03 Julai 2020